



28 Disember 2022
28 December 2022
P.U. (A) 398

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(SKIM INSENTIF PENEMPATAN SEMULA PERNIAGAAN
PENYEDIAAN PERKHIDMATAN) 2022

*INCOME TAX (RELOCATION OF PROVISION OF SERVICES
BUSINESS INCENTIVE SCHEME)
RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (SKIM INSENTIF PENEMPATAN SEMULA
PERNIAGAAN PENYEDIAAN PERKHIDMATAN) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama dengan subseksyen 6(1A), dan perenggan 2 Bahagian XVII Jadual 1 kepada, Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2021.

Pemakaian

2. Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai bagi suatu syarikat yang layak yang memohon secara bertulis bagi Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan permohonan sedemikian diterima pada atau selepas 7 November 2020 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2022.

Tafsiran

3. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia” ertinya Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (Pemerbadanan) 1965 [*Akta 397*];

“Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan” ertinya suatu skim insentif bagi syarikat yang layak untuk menjalankan aktiviti yang layak dan diluluskan oleh Menteri;

“syarikat baharu” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;
- (b) yang ditubuhkan bagi maksud menjalankan aktiviti yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini—
 - (i) yang tidak mempunyai entiti sedia ada atau entiti berkaitan di Malaysia sebelum permohonan yang disebut dalam kaedah 2 dibuat; atau
 - (ii) yang mempunyai entiti sedia ada atau entiti berkaitan di Malaysia yang belum menjalankan aktiviti yang layak di Malaysia sebelum permohonan yang disebut dalam kaedah 2 dibuat; dan
- (c) yang—
 - (i) menempatkan semula kemudahannya bagi aktiviti yang layak dari luar Malaysia ke Malaysia;
 - (ii) menempatkan semula aktiviti yang layak yang baharu di Malaysia yang berbeza daripada aktiviti yang layak sedia ada di luar Malaysia; atau
 - (iii) menubuhkan suatu operasi baharu di Malaysia;

“syarikat sedia ada” ertinya suatu syarikat—

- (a) yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan bermastautin di Malaysia; dan
- (b) yang sedang beroperasi di Malaysia dan menjalankan aktiviti yang layak bagi segmen perniagaan baharu yang diasingkan daripada operasi aktiviti yang layak yang sedia ada;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat baharu atau syarikat sedia ada yang memenuhi syarat kelayakan yang dikenakan oleh Menteri di bawah Akta dan Kaedah-Kaedah ini.

Aktiviti yang layak

4. Aktiviti yang layak yang disebut di bawah Kaedah-Kaedah ini ialah mana-mana aktiviti perkhidmatan berikut yang mengadaptasi teknologi Revolusi Perindustrian 4.0 dan pendigitalan yang dijalankan oleh syarikat yang layak:

- (a) penyediaan penyelesaian teknologi atau syarikat teknologi yang membangunkan teknologi dan menyediakan penyelesaian teknologi berdasarkan cabaran kejuruteraan atau saintifik penting;
- (b) penyediaan infrastruktur dan teknologi bagi pengkomputeran awan;
- (c) aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau reka bentuk dan pembangunan;
- (d) makmal pengujian peranti perubatan dan ujian klinikal; atau
- (e) mana-mana aktiviti perkhidmatan atau aktiviti perkhidmatan berkaitan pengilangan sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Kadar yang terpakai

5. Kadar cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun taksiran yang ditentukan ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi suatu syarikat yang layak yang menjalankan perniagaan berkenaan dengan suatu aktiviti yang layak di bawah Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan adalah—

(a) dalam hal syarikat baharu, tidak melebihi sepuluh peratus; dan

(b) dalam hal syarikat sedia ada, sepuluh peratus.

Tahun taksiran yang ditentukan

6. Tahun taksiran yang ditentukan yang disebut di bawah Kaedah-Kaedah ini adalah bagi tempoh sehingga sepuluh tahun taksiran berturut-turut bagi pelaksanaan Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan bermula dari tahun taksiran sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri.

Syarat bagi Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan

7. Syarikat yang layak yang memohon Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan di bawah Kaedah-Kaedah ini hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam surat kelulusan dan Garis Panduan dan Prosedur Permohonan Insentif Cukai Istimewa bagi Aktiviti Perkhidmatan Terpilih di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang dikeluarkan atau disemak semula oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan diluluskan oleh Menteri, yang hendaklah termasuk syarat yang berikut:

(a) menggaji sekurang-kurangnya lapan puluh peratus pekerja sepenuh masa warganegara Malaysia pada atau sebelum tahun ketiga dari tarikh inoiv pertama berhubung dengan aktiviti yang layak yang dikeluarkan oleh syarikat yang layak itu sehingga tamat tahun taksiran yang ditentukan; dan

- (b) melakukan amaun perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang layak atau pelaburan dalam harta tetap yang mencukupi yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang layak.

Penyerahan Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan

8. (1) Menteri boleh, pada bila-bila masa, kecuali jika syarikat yang layak gagal mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berkaitan dengan Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan, membenarkan syarikat yang layak untuk menyerahkan Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan yang diberikan di bawah Kaedah-Kaedah ini melalui notis secara bertulis kepada Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

(2) Penyerahan Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan itu hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang permohonan bagi penyerahan Skim Insentif Penempatan Semula Perniagaan Penyediaan Perkhidmatan itu diterima oleh Menteri melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.

Ketidakpakaian

9. Kaedah-Kaedah ini tidak terpakai bagi syarikat yang layak yang dalam tahun taksiran yang ditentukan—

- (a) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327];
- (c) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta;

- (d) telah diluluskan oleh Menteri suatu skim insentif di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta; atau
- (e) telah membuat suatu tuntutan bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
 - (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
 - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Dibuat 21 Disember 2022

[Per;MOF.TAX(S)700-2/1/164; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-218; PN(PU2)80/Jld. 107]

ANWAR BIN IBRAHIM
Menteri Kewangan

[*Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967*]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (RELOCATION OF PROVISION OF SERVICES BUSINESS
INCENTIVE SCHEME) RULES 2022

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) read together with subsection 6(1A) of, and paragraph 2 of Part XVII of Schedule 1 to, the Income Tax Act 1967 [Act 53], the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme) Rules 2022**.

(2) These Rules have effect from the year of assessment 2021.

Application

2. These Rules shall apply to a qualifying company which applies in writing for the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority and such application is received on or after 7 November 2020 but not later than 31 December 2022.

Interpretation

3. In these Rules—

“Malaysian Investment Development Authority” means the Malaysian Investment Development Authority established under the Malaysian Investment Development Authority (Incorporation) Act 1965 [Act 397];

“Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme” means an incentive scheme for the qualifying company to undertake a qualifying activity and approved by the Minister;

“new company” means a company—

- (a) which is incorporated under the Companies Act 2016 [Act 777] and resident in Malaysia;
- (b) which is established for the purpose of carrying on a qualifying activity under these Rules—
 - (i) which does not have an existing entity or related entity in Malaysia prior to the application referred to in rule 2 being made; or
 - (ii) which has an existing entity or related entity in Malaysia which has not carried on a qualifying activity in Malaysia prior to the application referred to in rule 2 being made; and
- (c) which—
 - (i) relocates its facility for the qualifying activity from outside Malaysia into Malaysia;
 - (ii) relocates a new qualifying activity into Malaysia which is different from the existing qualifying activity outside Malaysia; or
 - (iii) establish a new operation in Malaysia;

“existing company” means a company—

- (a) which is incorporated or registered under the Companies Act 2016 and resident in Malaysia; and

- (b) which is already operating in Malaysia and carrying on a qualifying activity for a new business segment separated from the operation of the existing qualifying activity;

“qualifying company” means a new company or an existing company which fulfills the eligibility condition imposed by the Minister under the Act and these Rules.

Qualifying activity

4. A qualifying activity referred to under these Rules is any of the following service activities which adopt Industrial Revolution 4.0 and digitalisation technology undertaken by a qualifying company:

- (a) provision of technology solution or technology company which develops technology and provides technology solutions based on substantial scientific or engineering challenges;
- (b) provision of infrastructure and technology for cloud computing;
- (c) research and development or design and development activities;
- (d) medical devices testing laboratory and clinical trials; or
- (e) any service activity or manufacturing related service activity as determined by the Minister.

Applicable rate

5. The rate of income tax which shall be charged under these Rules for the specified years of assessment on the chargeable income of a qualifying company which carries on business in respect of a qualifying activity under the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme is—

- (a) in the case of a new company, not more than ten per cent; and
- (b) in the case of an existing company, ten per cent.

Specified years of assessment

6. The specified years of assessment referred to under these Rules is a period of up to ten consecutive years of assessment for the implementation of the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme commencing from the year of assessment as determined by the Minister.

Conditions for the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme

7. A qualifying company which applies for the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme under these Rules shall comply with the conditions imposed by the Minister as specified in the approval letter and the Guidelines and Procedures for the Application of Special Tax Incentive for Selected Services Activities under the National Economy Recovery Plan (PENJANA) issued or as revised by the Malaysian Investment Development Authority and approved by the Minister, which shall include the following conditions:

- (a) employ at least eighty per cent full-time Malaysian employees on or before the third year from the date of the first invoice in relation to the qualifying activity issued by the qualifying company until the end of the specified years of assessment; and
- (b) incur an approved adequate amount of annual operating expenditure to carry on the qualifying activity or an approved adequate investment in fixed asset to carry on the qualifying activity.

Surrender of the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme

8. (1) The Minister may, at any time, except where the qualifying company fails to comply with any conditions imposed in relation to the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme, allow the qualifying company to surrender the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme

granted under these Rules by notice in writing to the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

(2) The surrendering of the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme shall have effect on the first day in the basis period for the year of assessment in which the application for surrender of the Relocation of Provision of Services Business Incentive Scheme is received by the Minister through the Malaysian Investment Development Authority.

Non-application

9. These Rules shall not apply to a qualifying company which in the specified years of assessment—

- (a) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*];
- (c) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act;
- (d) has been approved by the Minister an incentive scheme under any rules made under section 154 of the Act; or
- (e) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
 - (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
 - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; or

- (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Made 21 December 2022

[Per;MOF.TAX(S)700-2/1/164; LHDN.AY.A.600-12/1/7(29)-218; PN(PU2)80/Jld. 107]

ANWAR BIN IBRAHIM
Minister of Finance

[To be laid before Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]